

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN WONG HON WAI (BUKIT BENDERA)

TARIKH : 20 SEPTEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

TUAN WONG HON WAI [BUKIT BENDERA] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada Kementerian telah meluluskan pembinaan Lapangan Terbang Kulim yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri Kedah dan sama ada ia sebahagian daripada National Aviation Plan Kerajaan Persekutuan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Mesyuarat Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) dalam mesyuaratnya pada 27 Oktober 2020 hanya memberi kelulusan prinsip terhadap cadangan Projek Pembangunan Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim (KXP). Kelulusan prinsip ini adalah tertakluk kepada permohonan mendapatkan pertimbangan daripada Kementerian Pengangkutan dan beberapa agensi Kerajaan yang lain seperti Kementerian Kewangan, Kementerian Dalam Negeri, Jabatan Alam Sekitar, Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) dan beberapa agensi Kerajaan lain.

Kementerian Pengangkutan (MOT) ingin menjelaskan bahawa sehingga kini, YB Menteri Pengangkutan tidak pernah mengeluarkan sebarang kelulusan untuk menubuhkan aerodrom bagi Projek Pembangunan Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim (KXP) seperti mana yang diperuntukkan di bawah Peraturan-Peraturan Penerbangan Awam (Pengendalian Aerodrom) 2016.

Cadangan pembinaan KXP juga adalah tertakluk kepada Kajian *National Airports Strategic Plan* (NASP) yang akan dimulakan pada penghujung tahun 2021 bagi semua 42 lapangan terbang sedia ada termasuk cadangan pembinaan lapangan terbang baharu. Maka, penggerak projek KXP (Kerajaan Negeri Kedah) kelak akan diminta untuk memberi maklumat kepada pasukan perunding NASP berhubung unjuran-unjuran yang realistik dan tepat khususnya unjuran permintaan perkhidmatan penumpang dan kargo serta komitmen syarikat penerbangan yang ingin menggunakan KXP, lebih-lebih lagi dalam era pasca COVID-19.

Asas cadangan pembinaan KXP yang digunakan oleh penggerak projek adalah bagi menyokong (*complement*) pengendalian penumpang dan kargo yang disediakan oleh Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP). Sehubungan itu, adalah wajar pembinaan KXP dipertimbangkan setelah kapasiti pengendalian LTAPP mencecah kapasiti maksima. Dalam hubungan ini, unjuran permintaan penumpang

SOALAN NO : 12

dan kargo mestilah bersandarkan kepada asas dan data yang kukuh serta tepat (*reliable*) mengambilkira pembangunan kapasiti maksima LTAPP demi memastikan *viability* projek pembinaan KXP.

Kelulusan Akhir bagi cadangan pembinaan KXP hanya akan dipertimbangkan apabila kajian NASP telah disiapkan serta pematuhan kepada semua syarat yang ditetapkan oleh agensi-agensi kerajaan yang lain sepertimana yang dinyatakan dalam laporan-laporan teknikal seperti Laporan Penilaian Impak Alam Sekeliling (EIA), Laporan Penilaian Impak Sosial (SIA), Laporan Penilaian Impak Trafik (TIA) dan sebagainya.

Kementerian Pengangkutan komited dan mengalu-alukan sebarang cadangan daripada mana-mana pihak sama ada Kerajaan Negeri atau syarikat swasta untuk membina lapangan terbang. Akan tetapi, Kementerian Pengangkutan perlu memastikan cadangan pembinaan lapangan terbang benar-benar *viable*, *sustainable* dan memenuhi keperluan teknikal yang ditetapkan oleh CAAM dan MAVCOM.